



## ANUGERAH PENERBITAN MPOB

### 1. LATAR BELAKANG

Anugerah Penerbitan MPOB telah dikemas kini pada 2012 serta diluluskan oleh Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga ke-71 bertarikh 14 Ogos 2012.

### 2. TUJUAN ANUGERAH

Untuk mengiktiraf Pegawai MPOB yang telah menghasilkan penerbitan yang cemerlang. Anugerah ini juga bertujuan memberikan galakan kepada mereka untuk menyebarkan maklumat berhubung dengan projek penyelidikan dan pembangunan melalui penerbitan jurnal dan buku.

### 3. KATEGORI DAN HADIAH PEMENANG

No	Kategori Anugerah Penerbitan	IF (Faktor Impak)	CS (CiteScore)	Cadangan Nilai Hadiah (RM)	
				Jurnal Tiada Bayaran	Jurnal Berbayar
1	Platinum (terbaik)	Tertinggi	-	Layak pencalonan	• Tidak layak pencalonan Anugerah Platinum
2	Emas	$IF \geq 1$	Ada atau tiada	$IF \times RM1000$	• Tolak nilai bayaran • Minima RM1000
3	Emas	$0.5 \leq IF < 1.0$	$CS \geq 0.7$	1000	750
4	Emas	$IF < 0.5$	$CS \geq 0.7$	1000	750
5	Emas	$IF < 0.5$	$CS < 0.7$	750	500
6	Emas	JOPR		1000	-
7	Perak	OPIEJ, The Planter, Jurnal tiada IF/CS		500	250
8	Sagu hati	OPB, POEB, POD		250	-
9	Penulis koresponden akan menerima 70% daripada nilai hadiah.				

\*Hanya sebagai panduan sahaja. Jawatankuasa ADaM berhak meminda nilai hadiah.

### 4. KRITERIA PEMILIHAN PEMENANG KATEGORI ANUGERAH PLATINUM PENERBITAN

- Penulis pertama adalah Pegawai MPOB;
- Review paper* tidak akan dinilai di bawah kategori Anugerah Penerbitan Platinum sebaliknya hanya dinilai bagi kategori Anugerah Penerbitan Emas, Anugerah Penerbitan Perak dan Sagu hati sahaja;
- Jurnal *Open Access* dan berbayar tidak akan dinilai untuk kategori ini; dan
- Anugerah Penerbitan Platinum dipilih berdasarkan *impact factor* (jurnal yang diindex oleh ISI-WOS sahaja).

## 5. SYARAT PENYERTAAN

- a. Penyertaan adalah terbuka kepada Pegawai MPOB yang masih berkhidmat dengan MPOB sekurang-kurangnya satu (1) bulan dalam tahun penilaian;
- b. Penyertaan mestilah berasaskan penerbitan tulen/asal yang diterbitkan (termasuk diterbitkan secara online/Early View) pada tempoh 1 Oktober (sebelum tahun penilaian) sehingga 30 September (tahun penilaian);
- c. Penulis Utama/Penulis Koresponden mestilah terdiri daripada Pegawai MPOB, hanya projek yang dibiayai oleh MPOB, projek usahasama dengan agensi luar dan projek GSAS yang layak dipertimbangkan untuk dinilai; Pegawai MPOB perlulah terlibat dalam penyelidikan tersebut, bukan sekadar terlibat kerana MPOB membiayai atau membekalkan bahan ujikaji untuk projek tersebut;
- d. Setiap penerbitan mestilah mendapat kelulusan Ketua Pengarah untuk diterbitkan dan salinan *Manuscript Submission Form (MS Form)* disertakan bersama Borang Pencalonan sebagai bukti kelulusan Ketua Pengarah;
- e. Untuk penerbitan bukan terbitan MPOB, satu salinan *hard copy* atau PDF penerbitan hendaklah dihantar kepada Ketua Unit Pusat Maklumat Sawit atau diemel kepada pms@mpob.gov.my. Nombor penerbitan (No. PR) akan diberikan dalam masa lima (5) hari bekerja selepas permohonan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan anda ditolak; dan
- f. Permohonan pencalonan hendaklah dibuat melalui Pengarah/Timbangan Ketua Pengarah/Ketua Pengarah.
- g. Borang pencalonan perlu dihantar ke Unit Penerbitan.

## 6. PENCALONAN

- a. Borang pencalonan boleh diperolehi di Sistem Anugerah Dalaman MPOB (ADaM) di intranet MPOB (<http://intranet.mpob.gov.my/>) atau berhubung terus dengan Urusetia (Pn. Anita Taib /Pn. Rozana Abu Bakar, emel: anita@mpob.gov.my/rozana@mpob.gov.my);
- b. **Pencalonan hendaklah dihantar kepada:**

Pn. Anita Taib  
Ketua Unit Penerbitan  
Emel: anita@mpob.gov.my  
No. Tel: 03-87694562

## 7. KEPUTUSAN

Keputusan adalah **MUKTAMAD**.

Mana-mana pencalonan yang didapati melanggar Etika Penerbitan MPOB tidak akan dipertimbangkan dan akan dikenakan tindakan tatatertib.

\*Jawatankuasa ADaM berhak meminda:

- a. Syarat-syarat penyertaan
- b. Nilai hadiah Anugerah penerbitan